

08 JUL 2002

Mahathir-SNAP/I

DR MAHATHIR YAKIN SNAP DAPAT SELESAIKAN MASALAH DALAMANNYA

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin bahawa Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sarawak akan dapat mengatasi masalah dalamannya.

"Saya tidak mempunyai apa-apa nasihat. Saya pasti mereka akan menyelesaikan krisis kepimpinan parti itu. Ya, saya pasti mereka akan dapat menyelesaikan masalah mereka," kata beliau dalam persidangan berita selepas merasmikan bangunan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (Bangunan Masja) di sini.

Mengenai sama ada pemimpin-pemimpin SNAP telah menemui beliau, Perdana Menteri berkata presiden Snap Datuk Amar James Wong ada menemuinya di perasmian perhimpunan agung ke 10 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong, hari ini.

"Tetapi kita tidak berbincang mengenai perkara seperti itu (masalah Snap). Kita jaga sopan," katanya.

Snap menghadapi krisis kepimpinan sejak April lepas apabila sekumpulan lapan anggota kanan parti itu yang diketuai oleh timbalan presidennya Datuk Sri Peter Tinggom meminta Wong supaya berundur.

Sementara itu mengenai pengambilan semula guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang meninjau perkara itu.

"Guru-guru bersara ini tidak mahu bertugas semula sebagai guru biasa ataupun sebagai guru sepenuh masa. Mereka mahu bertugas beberapa jam setiap hari, hanya mengajar bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata, tiada peruntukan dalam kerajaan untuk mengambil mereka semula dan menambah kata kadar bayaran bagi mereka dan semua yang lain perlu dikaji oleh kerajaan.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar, beliau berkata: "Kita akan kekalkan sistem pendidikan sedia ada yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar, dan oleh kerana masalah-masalah tertentu dalam mengajar sains dan matematik, kita mahu gunakan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran ini.

Ditanya sama ada persaraan beliau pada Oktober depan boleh memberi kesan kepada perkembangan politik di kalangan parti-parti komponen BN, beliau berkata: "Saya tidak boleh bercakap bagi pihak parti-parti politik dalam BN. Saya hanya boleh bercakap bagi pihak Umno."

Menjawab satu lagi pertanyaan sama ada negara-negara membangun menjemput beliau menyampaikan syarahan umum selepas bersara, Dr Mahathir menjawab jika dijemput untuk berbuat demikian, yang sekarang pun berlaku, beliau akan menyampaikan syarahan dan ia memang seronok.

"Saya bersara. Saya sudah berusia 77 tahun. Saya rasa tidak wajar bagi saya memegang apa-apa pekerjaan. Seinggakan Tunku Abdul Rahman tidak memegang apa-apa jawatan pada usia 77 tahun. Selepas bersara beliau memegang jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan semasa itu beliau jauh lebih mudah daripada saya," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak akan mengambil apa-apa peranan dengan OIC.

"Saya tidak kompeten untuk memegang apa-apa jawatan dan tugas saya nanti ialah duduk di rumah dan cuba bantu parti dan kerajaan jika mereka minta saya berbuat sesuatu.

Sementara itu Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula

berkata beliau tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk berundur daripada politik.

"Saya akan memaklumkan apabila tiba masanya," kata Abdul Taib apabila ditanya sama ada beliau bercadang untuk berundur daripada politik selepas memegang jawatan Ketua Menteri Sarawak untuk 22 tahun.

-- BERNAMA

FLL MT PR